



RAMAI kakitangan kerajaan tidak mampu membeli rumah disebabkan harga yang sangat tinggi. – Gambar hiasan

## CUEPACS gesa kerajaan bantu penjawat awam beli rumah pertama tanpa bayar GST

KONGRES Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan membantu kakitangan awam memiliki rumah pertama dengan mengecualikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sedia ada sebanyak enam peratus.

Presidennya, Datuk Azih Muda (gambar kecil) berkata, cadangan tersebut wajar dipertimbangkan kerana kira-kira 800,000 hingga 900,000 penjawat awam berumur lingkungan antara 25 hingga 35 tahun di negara ini masih belum layak memiliki rumah pertama.



“Kita mendapati penjawat awam dalam kategori B40 tidak mampu membeli rumah yang harganya sekitar RM150,000 hingga RM300,000 kerana gaji bulanan mereka kurang daripada RM3,000 sebulan,” katanya dalam Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

» LAPORAN DI MUKA 7